Hashim bin Endot lwn Ng Chun Wee & Satu Yang Lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO (23)P25–455–1986
WAN MOHAMED H
28 MEI 1992

Acara Sivil *— Pihak — Saman minta arahan pihak ketiga — Permohonan untuk pihak ketiga dijadikan defendan bersama — Sama ada permohonan boleh dibenarkan — Prinsip-prinsip yang terpakai — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 16 k 4(4)*

Acara Sivil *— Pliding — Sama ada plaintif boleh dipaksa menerimapakai pliding defendan terhadap pihak ketiga — Siapa yang memikul beban membukti jika pihak ketiga dijadikan defendan bersama*

Pihak defendan telah memasukkan saman minta arahan-arahan pihak ketiga di hadapan penolong kanan pendaftar, Mahkamah Tinggi, untuk mendapat perintah, antara lain, supaya pihak ketiga dijadikan defendan bersama dan pliding pihak defendan diterimapakai oleh plaintif terhadap pihak ketiga. Permohonan itu telah ditolak oleh penolong kanan pendaftar dan pihak defendan merayu kepada hakim dalam kamar. Telah dihujahkan bagi pihak plaintif bahawa pihak ketiga hanya boleh dijadikan defendan bersama sekiranya pihak ketiga itu memperakui liabiliti, tetapi ini tidak berlaku di dalam kes ini. Telah dihujahkan juga bahawa plaintif tidak boleh dipaksa menerimapakai pliding defendan terhadap pihak ketiga mengikut autoriti yang dirujuk.

Diputuskan, menolak rayuan itu:

(1) Mahkamah mendapati tiada sebab yang munasabah yang membolehkannya membenarkan permohonan defendan untuk menukar pihak ketiga dijadikan defendan bersama. Adalah tidak adil bagi mahkamah memaksa plaintif supaya menerimapakai pliding defendan terhadap pihak ketiga. Pihak ketiga tidak memperakui liabiliti atau liabiliti sertaan dan tidak memperakui bahawa pihaknya akan menanggung ganti rugi sekiranya defendan didapati bertanggungan.

(2) Sungguhpun mahkamah mempunyai kuasa meletak seseorang di sesuatu pihak di dalam sesuatu tindakan, ini bukan bermakna mahkamah boleh meletak seseorang itu di sesuatu pihak mengikut apa yang diminta oleh seseorang pemohon. Sama ada seseorang itu patut diletak sebagai defendan bersama atau pihak ketiga hendaklah berdasarkan kepada keadaan dan sepertimana yang difikirkan adil. Mahkamah mendapati tidak adil kepada pihak plaintif jika pihak ketiga ditukar menjadi defendan bersama dan juga tidak adil kepada pihak ketiga jika ianya dijadikan defendan

bersama oleh kerana pihaknya dengan nyata menentang atau menafi akan tuntutan defendan terhadapnya.

(3) Mahkamah berpendapat bahawa, jika pihak ketiga dijadikan defendan bersama, proses perbicaraan tidak akan menjadi senang bahkan akan menjadi lebih rumit. Mahkamah dapati bahawa pihak defendan dalam kes ini hanya cuba mencari jalan singkat untuk mengagihkan tanggungan di antaranya dengan pihak ketiga.

(4) Pihak defendan telah mengubah fikirannya dan cuba mendapat arahan mahkamah supaya pihak ketiga dijadikan defendan bersama melalui saman minta arahan-arahan pihak ketiga. Sungguhpun, barangkali, tiada peruntukan menyekat defendan daripada membuat permohonan yang sedemikian, mahkamah tidak akan membenarkan permohonan seperti ini, dan dalam keadaan bahawa pihak ketiga menafi liabiliti yang diplidkan oleh defendan, melainkan pemohon dapat memberi alasan-alasan yang munasabah dan juga demi kepentingan keadilan. Dalam kes ini defendan telah gagal memberi sebab-sebab yang munasabah.

(5) Mahkamah tidak dapat menerima hujah peguam pihak defendan yang mengatakan bahawa walaupun pihak ketiga dijadikan defendan bersama tugas atau beban membuktikan yang defendan bersama itu bertanggungan akan dipikul oleh defendan. Hujah ini bertentangan dengan prinsip undang-undang yang menyatakan: 'pihak yang menuduh atau mengatakan sesuatu dikehendaki membuktikannya'. Dengan plaintif menerimapakai pliding pihak defendan terhadap pihak ketiga, behan membuktikan yang pihak ketiga itu bertanggungan setelah ia dijadikan defendan bersama terletak pada plaintif.

[English summary

The defendant filed a summons for third party directions before the senior assistant registrar, High Court for, inter alia, orders that the third party be made a co-defendant and the defendant's pleadings be accepted for use by the plaintiff against the third party. The application was dismissed by the senior assistant registrar and the defendant appealed to the judge-in-chambers. It was contended for the plaintiff that a third party can only be made a co-defendant if the third party admits liability, but this did not happen in this case. It was also contended that the plaintiff cannot be forced to accept for use the defendant's pleadings against the third party according to an authority referred to.

Held, dismissing the appeal:

(1) The court found there was no reasonable ground to enable it to allow the defendant's application to make the third party a co-defendant. It was not fair for the court to force the plaintiff to accept the defendant's pleading for use against the third party. The third party did not admit liability or joint liability and did not

admit that he would bear the damages if the defendant was found liable. A

(2) Although the court has power to place a person as a particular party in a particular suit, this does not mean that the court can place a person as a particular party according to what is applied for by an applicant. Whether or not a person should be placed as co-defendant or third party must be based on the circumstances and what is considered fair. The court found it unfair to the plaintiff if the third party is made a co-defendant and also unfair to the third party if he is made a co-defendant because he clearly opposed or denied liability of the defendant's claim against him. B

(3) The court opined that if the third party is made a co-defendant, the trial process would not be simplified but instead would be more complicated. The court found that the defendant in this case was only trying to find a short cut to distribute liability between him and the third party. C

(4) The defendant changed his mind and tried to obtain the court's direction for the third party to be made a co-defendant by way of summons for third party directions. Although, perhaps, there is no provision to inhibit the defendant from making such an application, the court would not allow such an application, and in the case where the third party denied liability pleaded by the defendant, unless the applicant could give reasonable grounds and that it was in the interests of justice. In this case, the defendant failed to give any reasonable ground. D E

(5) The court cannot accept the submission of the defendant's counsel that although the third party is made a co-defendant, the duty or burden of proving that the co-defendant is liable will be borne by the defendant. This submission goes against the principle of law which states that: 'the party who pleads or alleges something must prove it'. If the plaintiff accepts the defendant's pleading for use against the third party, the burden of proving that the third party is liable, after the third party is made a co-defendant lies with the plaintiff.] F G

Kes-kes rujukan

1 *Tajjul Ariffin bin Mustafa v Heng Cheng Hong* [1991] 2 CLJ 1212 (dirujuk)

2 *Tan Chik bin Ibrahim v Safety Life and General Insurance Sdn Bhd* [1987] 1 MLJ 217 (dirujuk) H

3 *Malite Sdn Bhd v Abdul Karim bin Gendut & Ors* [1981] 2 MLJ 29 (dirujuk)

4 *Hee Awa & Ors v Syed Muhammad Sazalay & Anor* [1988] 1 MLJ 300 (dirujuk)

I

Undang-undang rujukan

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 16 k 4(4)

Mabel Sebastian (*Manjeet Singh Dhillon*) for the plaintiff.
S Kanagasabapathi (*RK Nathan & Co*) for the defendant.
Munir Abdullah (*Jagjit Singh & Co*) for the third party.

Wan Mohamed H: Dalam kes ini pihak defendan telah memasukkan saman minta arahan-arahan pihak ketiga (summons for third party directions) di hadapan penolong kanan pendaftar, Mahkamah Tinggi, untuk mendapat perintah supaya:

(i) pihak ketiga dijadikan defendan bersama (co-defendants);
(ii) pliding pihak defendan diterimapakai oleh plaintif terhadap pihak ketiga;
(iii) plaintif menyerahkan dokumen yang relevan ke atas pihak ketiga.

Ketiga-tiga item yang tersebut di atas telah ditolak oleh penolong kanan pendaftar. Berikutan daripada itu pihak defendan memasukkan rayuan kepada hakim dalam kamar dan pada 4 Mac 1991 hakim dalam kamar membuat keputusan membenarkan rayuan tersebut. Di atas permohonan pihak plaintif, hakim dalam kamar membenarkan penghujahan lanjut diadakan dalam mahkamah terbuka.

Hujah peguam pihak plaintif boleh diringkaskan seperti berikut:

(1) Bahawa pihak defendan telah mengasaskan permohonannya untuk mendapat arahan-arahan yang tersebut di atas kepada peruntukan yang terkandung dalam A 16 k 4(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang berbunyi:

> On an application for directions under this rule the Court may give the third party leave to defend the action, either alone or jointly with any defendant, upon such terms as may be just, or to appear at the trial and *to take such part therein as may be just*, and generally may make such orders and give such directions as appear to the Court proper for having the rights and liabilities of the parties most conveniently determined and enforced and as to the extent to which the third party is to be bound by any judgment or decision in the action.

'Leave to defend' telah dihuraikan di muka surat 243 Bahagian 1 Jilid 1 *The Supreme Court Practice* (1988), yang bermaksud bahawa pihak ketiga hanya boleh dijadikan defendan bersama (co-defendant) sekiranya pihak ketiga itu memperakui liabiliti — lihat perenggan-perenggan 16/4/11 dan 16/4/12 dalam *The Supreme Court Practice* yang tersebut di atas.

(2) Plaintif tidak boleh dipaksa menerimapakai pliding defendan terhadap pihak ketiga — rujukan dibuat kepada kes *Tajjul Ariffin bin Mustafa v Heng Cheng Hong*,[1] di mana hakim telah membuat keputusan bahawa pihak plaintif tidak boleh dipaksa membuat pindaan kepada pernyataan tuntutan atau plidingnya. Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang ini jika plaintif diperintah menerimapakai pernyataan pembelaan atau pliding defendan terhadap pihak ketiga akan bermakna memaksa supaya plaintif meminda pernyataan tuntutannya.

(3) Mahkamah mempunyai kuasa memasukkan seseorang dalam mana-mana 'capacity' yang difikirkan berpatutan tetapi pihak pemohon hendaklah memilih yang mana satu 'capacity' seorang itu perlu dimasukkan. Pemohon (defendan) telah memilih orang yang berkenaan dijadikan pihak ketiga; hanya apabila beliau memasukkan 'summons for third party directions' memohon supaya pihak ketiga itu dijadikan defendan bersama. Pihak defendan tidak boleh berbuat demikian.

Hujah peguam pihak defendan (pemohon) boleh diringkaskan seperti berikut:

(1) Mahkamah mempunyai kuasa membuat perintah supaya pihak ketiga dijadikan defendan bersama (co-defendant) di bawah A 16 k 4(4). Lihat frasa yang berbunyi: '... untuk hadir di perbicaraan dan untuk mengambil dalamnya sebagaimana yang difikirkan adil, ...'. Rujukan juga dibuat kepada Jilid 1 *The Supreme Court Practice* (1988) Bahagian 1 muka surat 242, perenggan 16/4/8 di bawah tajuk 'Directions Generally' — (d) dan (f).

(2) Walaupun pihak ketiga dijadikan defendan bersama, tanggungjawab membukti yang ianya 'liable' adalah terletak di atas bahu defendan. Oleh itu defendan tidak membebankan plaintif untuk membuktinya.

(3) Dengan pihak ketiga dijadikan defendan bersama, liabiliti dapat diagihkan dan perintah mahkamah dapat dilaksanakan dengan senang — rujukan dibuat kepada kes *Tan Chik bin Ibrahim v Safety Life and General Insurance Sdn Bhd*[2] dan kes *Malite Sdn Bhd v Abdul Karim bin Gendut & Ors.*[3]

(4) Kes *Tajjul Ariffin bin Mustafa v Heng Cheng Hong*[1] tidak boleh dijadikan panduan oleh kerana dalam kes itu hakim yang berkenaan berpendapat adalah tidak adil bagi mahkamah memaksa plaintif membuat pindaan ke atas plidingnya kerana plaintif tidak akan tahu apakah yang hendak diplid (to be pleaded) terhadap pihak ketiga. Manakala dalam kes ini defendan telah menyatakan apakah yang patut diplid terhadap pihak ketiga yang akan menjadi defendan bersama.

Hujah peguam pihak ketiga boleh diringkaskan seperti berikut. Merujuk kepada kes *Hee Awa & Ors v Syed Muhammad Sazalay & Anor*,[4] telah di hujahkan bahawa defendan (perayu) dalam kes di hadapan mahkamah sekarang ini telah memilih pihaknya (Mohd Esa bin Abdul Majid) untuk dijadikan pihak ketiga. Maka pernyataan pembelaan telahpun difailkan. Defendan (perayu) tidak patut lagi diberi peluang untuk meletakkan mereka (pihak ketiga) sebagai defendan bersama. Di bawah tajuk 'Directions Generally' di muka surat 242 dalam *The Supreme Court Practice* yang dirujukkan oleh peguam pihak defendan, tiada sebutan sama ada defendan boleh membuat permohonan menukar pilihannya (daripada pihak ketiga dijadikan defendan bersama). Lagipun tiada peruntukan yang nyata yang membolehkan mahkamah menukar pihak ketiga menjadi defendan bersama. Perintah supaya pihak ketiga diberi kebebasan membuat pembelaan bersama dengan defendan boleh berlaku apabila pihak ketiga memperakui liabiliti. Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang ini defendan menafi atau tidak memperakui liabiliti. Dengan menukar pihak ketiga menjadi defendan bersama

A tidak akan memudahkan perbicaraan dan pelaksanaan hukuman yang bakal diputuskan kelak.

Peguam pihak plaintif memberi jawapan kepada hujah peguam pihak defendan seperti berikut. Perintah yang biasa dibuat dalam keadaan di mana pihak ketiga menafikan liabiliti ialah sebagaimana yang terdapat di PF 21, muka surat 60 dalam Jilid 2 *The Supreme Court Practice* (1979). Dipohonkan supaya pihak ketiga yang ada sekarang dikekalkan sebagai pihak ketiga.

B

Pendapat mahkamah

C Setelah menghalusi hujah-hujah yang disampaikan oleh ketiga-tiga pihak (peguam pihak plaintif, peguam pihak defendan dan peguam pihak ketiga), dan merujuk kepada peruntukan-peruntukan yang berkenaan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, serta memerhati akan sumber-sumber yang dirujukkan oleh ketiga-tiga pihak, mahkamah dapati bahawa tiada sebab yang munasabah yang membolehkan mahkamah membenarkan D permohonan defendan untuk menukar pihak ketiga dijadikan defendan bersama (co-defendant). Adalah tidak adil bagi mahkamah memaksa plaintif supaya menerimapakai pliding defendan terhadap pihak ketiga. Pihak ketiga tidak memperakui liabiliti atau liabiliti sertaan (jointly liable) dan tidak memperakui bahawa pihaknya akan menanggung ganti rugi sekiranya E defendan didapati 'liable'. Sungguhpun mahkamah mempunyai kuasa meletak seseorang di sesuatu pihak di dalam sesuatu tindakan, ini bukan bermakna mahkamah boleh meletak seseorang itu di sesuatu pihak mengikut apa yang diminta oleh seseorang pemohon. Sama ada seseorang itu patut diletak sebagai defendan bersama atau pihak ketiga hendaklah berdasarkan kepada keadaan dan sepertimana yang difikirkan adil. Mahkamah dapati F tidak adil kepada pihak plaintif jika pihak ketiga dalam kes ini ditukar menjadi defendan bersama. Dan juga tidak adil kepada pihak ketiga dalam kes ini jika ianya dijadikan defendan bersama oleh kerana pihaknya dengan nyata menentang atau menafi akan tuntutan defendan terhadapnya.

Selain daripada itu, mahkamah berpendapat bahawa, jika pihak ketiga dijadikan defendan bersama, proses perbicaraan tidak akan menjadi senang G bahkan akan menjadi lebih rumit. Mahkamah dapati bahawa pihak defendan dalam kes ini hanya cuba mencari jalan singkat untuk mengagihkan tanggungan (liabiliti) di antaranya dengan pihak ketiga. Lagipun defendan telah membuat permohonan dan mendapat kebenaran mahkamah supaya Mohd Esa bin Abdul Majid dijadikan pihak ketiga. Selepas itu pihak defendan H telah mengubah fikirannya dan cuba mendapat arahan mahkamah supaya Mohd Esa bin Abdul Majid (pihak ketiga) dijadikan defendan bersama melalui saman minta arahan-arahan pihak ketiga (summons for third party directions). Sungguhpun, barangkali, tiada peruntukan menyekat defendan (pemohon) daripada membuat permohonan yang sedemikian, mahkamah tidak akan membenarkan permohonan seperti ini, dan dalam keadaan I bahawa pihak ketiga menafi liabiliti yang diplidkan oleh defendan, melainkan pemohon dapat memberi alasan-alasan yang munasabah dan juga demi kepentingan keadilan. Dalam kes ini pemohon (defendan) telah gagal mem-

beri sebab-sebab yang munasabah. Mahkamah tidak dapat menerima hujah peguam pihak defendan yang mengatakan bahawa walaupun pihak ketiga dijadikan defendan bersama tugas atau beban membuktikan yang defendan bersama itu bertanggungan (liable) akan dipikul oleh defendan. Hujah ini bertentangan dengan prinsip undang-undang yang menyatakan: 'pihak yang menuduh atau mengatakan sesuatu dikehendaki membuktikannya'. Dengan plaintif menerimapakai pliding pihak defendan terhadap pihak ketiga, beban membuktikan yang pihak ketiga itu bertanggungan (liable), setelah pihak ketiga dijadikan defendan bersama terletak pada pihak plaintif.

Di atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas saya menolak rayuan defendan dan mengekalkan perintah yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar berkenaan dengannya.

Defendan (perayu) hendaklah membayar kos kepada plaintif dan pihak ketiga yang akan ditaksirkan oleh penolong kanan pendaftar.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Neoh Lay Choo